

Kairouan, kota Islam yang tertua di Barat Laut Afrika



*Jumlah Penduduk Tunisia:
10,280,000*

*Jumlah Penduduk Kairouan:
120,000*

Kota Kairouan telah wujud selama lebih kurang 1,300 tahun. Ia diasaskan sebagai

sebahagian perkembangan Empayar Islam. Masjid yang tertua di Afrika Utara, yang mempunyai menara (yang masih berdiri) yang paling tua di dunia, terletak di kota ini – ini seakan-akan penghormatan terhadap tujuan asal kota ini: menjadi pusat bagi penyebaran Islam di seluruh rantau ini.

“Masjid Besar” yang terkenal di sini merupakan satu destinasi yang penting bagi para pelancong. Di tempat yang lain pula, Zaouia Sidi Sahab, makam penggunting rambut yang dipercayai telah menggunting rambut Nabi

Muhammad, telah mendapat reputasi sebagai suatu tempat yang baik untuk mendoakan penyembuhan dan mendapat rahmat. Sekiranya suatu doa atau permintaan dikabuli, peminta itu diwajibkan membawa suatu “hadiah” – biasanya makanan untuk orang-orang miskin, sebagai tanda kesyukuran bagi doa yang telah dikabuli.

Bagi ramai orang-orang Afrika Utara, Kairouan dianggap kota yang ke-empat sucinya bagi agama Islam. Sekolah di sini melatih imam-imam bagi seluruh Tunisia. Kota ini dikenali dengan



konservatisme, kaum perempuan di sini lebih banyak berada di rumah sahaja berbanding kawasan-kawasan lain di negara ini. Kairouan tidak sesibuk kota-kota Tunisia yang lain, tidak banyak perindustrian di sini untuk membantu keadaan ekonomi. Orang-orang muda di tempat ini rindu pergi ke Barat untuk mencari kerja.

Sikap fatalisme yang sudah lama menjadi kebiasaan mereka masih berkekalan bahkan bagi orang-orang yang baru percaya. Sebilangan kecil orang-orang yang telah dengar dan respon kepada Injil

di Kairouan sering kali bergumul dengan isu-isu peribadi dan ada yang tidak banyak bertumbuh secara rohani. Kemungkinan ini disebabkan oleh pengaruh rohani yang tersembunyi ke atas kota ini.

BAHAN-BAHAN DOA:

- *Beberapa orang-orang percaya di Kairouan yakin bahawa Tuhan telah menyuruh mereka angkatkan panji pujian di atas kota ini, seperti*

mana Dia mengarahkan para penyembah memimpin semasa mengelilingi Yerikho. Oleh kasih karuniaNya, mereka mengakui janji-janji Yesaya 62 bagi kota mereka.

KEPERITAN BERDEKATAN DENGAN KAIROUAN

Rashid (bukan nama sebenar) tidak lagi mengharapakan pekerjaan yang lebih baik, atau hidup yang lebih baik. Pada suatu masa, ini semua



Hari 12 | Tunisia

merupakan perkara-perkara yang mungkin terjadi, tetapi hari ini, semasa dia mengheret kakinya berjalan di jalanyraya yang berhabuk, dia berharap dapat menumpang kereta secara percuma ... dan menerima lebih lagi belas kasihan daripada rakan-rakannya. Isteri dan dua orang anak lelakinya tertidur; dan apabila mereka bangun, mereka tidak dapat makan. Baru minggu yang lalu, anaknya sakit dan doktor telah menahan kertas pengenالannya apabila Rashid mengakui bahawa dia tidak dapat menjelaskan bayaran. Dia akan cuba menumpang

kereta sejauh 20 km ke Kairouan, dengan harapan dapat meminjam wang daripada rakan-rakannya di sana. Seolah-olah tiada jalan keluar bagi dia dari kesusahan ini.

Rashid tinggal bersama dengan keluarganya sendiri di dalam satu bilik di rumah bapanya, seperti juga abangnya yang juga sudah berumahtangga. Abangnya itu mempunyai pekerjaan tetap dan membantu membayar bil-bil rumah. Oleh kerana Rashid tidak mampu memberi sumbangan secara ini, ini menyebabkan ketegangan dan

bahan pertikaian, terutamanya bagi ibu tirinya, yang telah melarang mereka menggunakan dapur rumah.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

